

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN  
KAWASAN : KIMANIS**

**SOALAN NO. 271**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah perkembangan terkini Projek Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo (Sabah) dan juga perkembangan Projek Lebuh Raya Trans Borneo serta projek Sarawak Sabah Link Road yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1 dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Walau bagaimanapun, satu kontraktor pakej kerja, iaitu melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan sehingga Oktober 2020 bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah 40%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan *Sarawak-Sabah Link Road* akan tetap diteruskan dan dilaksanakan secara berfasa. Surat niat (LOI) bagi Fasa 1 dari Lawas ke Kampung Pa' Berunut telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 7 Julai 2020 manakala Surat Setuju Terima (SST) akan dikeluarkan apabila kontraktor memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam dokumen tender.

Bagi projek Lebu Raya Trans Borneo pula, Kerajaan masih meneruskan projek tersebut yang akan menghubungkan Negara Brunei Darussalam, Indonesia dengan negeri Sarawak dan negeri Sabah di Malaysia. Namun, pada masa ini, kerajaan hanya menumpukan kepada penyiapan Lebu Raya Pan Borneo dan *Sarawak – Sabah Link Road* dahulu.

Sekian, terima kasih.